

PMB Investment, UMS meterai kerjasama Program Keusahawanan Kewangan Syariah

UB 21.8.2020 5

KOTA KINABALU: PMB Investment Berhad meneruskan agenda memperkasakan pembangunan modal insan apabila menjalinkan kerjasama dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi Program Keusahawanan Kewangan Syariah.

Kerjasama itu dimeterai di antara PMB Investment dan dua entiti di UMS, iaitu Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) dan Pusat Kerjaya dan Alumni (PKA) dalam satu majlis yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS semalam.

PMB Investment diwakili oleh Ketua Jualan Strategik Mahani Ibrahim menandatangani dokumen kerjasama itu, manakala PPIB UMS diwakili oleh Dekan PPIB, Prof Madya Dr. Lai Yew Meng, sementara PKA diwakili oleh pengarahnya Prof Madya Dr. Soon Singh A/L Bikar Singh.

Menurut Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pelaburan MARA Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, PMB Investment berupaya untuk memberi pendedahan kepada graduan mengenai kerjaya dalam bidang keusahawanan kewangan syariah atau Perunding Unit Amanah.

“Graduan bakal dilatih dan diberi pengetahuan dan kemahiran yang berguna sebagai Perunding Unit



METERAI: MoU di antara Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa UMS bersama PMB Investment.

Amanah oleh pakar dalam industri ini.

“Kerjasama hari ini akan memberi nilai tambah kepada graduand di UMS, selain membuka peluang kerjaya dan perniagaan yang lebih luas kepada mereka dalam bidang pelaburan dan kewangan syariah,” katanya.

PMB Investment juga katanya, berhasrat untuk mewujudkan kolaboratif dengan lebih banyak universiti tempatan sama ada dari universiti awam maupun swasta, selepas UMS menjadi universiti yang pertama mewujudkan usaha sama seumpama ini.

Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS

Prof. Madya Dr. Raman Noordin ketika berucap pada majlis itu memberitahu, usaha sama ini akan merealisasikan beberapa agenda UMS.

“Antaranya adalah latihan, upskilling dan melahirkan pelatih mahir dalam bidang kewangan syariah untuk menyokong proses pembelajaran.

“Dan jika layak, graduan boleh ditawarkan kerja sebagai Perunding Unit Amanah secara separuh masa atau sepenuh masa,” katanya.

Turut hadir pada majlis itu, Pemangku Ketua Pegawai Operasi, Pelaburan MARA Mohd Adzhar Abd Hamed.